

TARIKH: 5/6/23  
SURAT KHABAR: KOSMO  
MUKA SURAT: 4

## KSM, Perkeso lancar Kempen Ambil Pekerja Lokal

**SEBERANG PERAI** – Kementerian Sumber Manusia (KSM) menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) melancarkan Kempen Ambil Pekerja Lokal bagi menggalakkan pengambilan pekerja tempatan dalam usaha mengurangkan kebergantungan tenaga kerja asing.

Kempen terbabit adalah program susulan daripada inisiatif Malaysianization yang dilaksanakan dari tahun 2021 untuk menggalakkan majikan menggajikan tenaga kerja tempatan bagi jawatan yang sebelumnya diisi pekerja asing.

Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, majikan diseru bekerjasama dengan menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan khusus buat pekerja tempatan.

“Kempen ini akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan majikan dapat menggajikan anak-anak watan sekali gus mengelakkan daripada terlalu bergantung pekerja asing.

“Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2030, maka kita perlu perkasakan mereka bermula daripada sekarang,” katanya selepas Majlis Perasmian Penutup Karnival



**SIVAKUMAR (tengah) menyerahkan sijil penghargaan kepada majikan di Karnival Kerjaya MYFutureJobs di Butterworth Arena semalam.**

Kerjaya MYFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah 2023 Negeri Pulau Pinang di Butterworth Arena, di sini semalam.

Pada masa sama, KSM dan Perkeso juga menyokong Projek Reben Kuning yang memberi ruang kepada bekas banduan, terutama belia dan bekas pelajar juvana untuk memperoleh pekerjaan.

Dalam perkembangan lain, Sivakumar berkata, karnival kerjaya MYFutureJobs yang berlangsung selama dua hari itu mena-

warkan lebih 7,000 kekosongan jawatan yang menawarkan gaji bulanan sehingga RM9,500 daripada 56 majikan yang mengambil bahagian.

“Sehingga tengah hari tadi (semalam), seramai 552 individu berjaya ditawarkan jawatan on the spot.

“Selain himpulkan pencari kerja dan majikan di bawah satu bumbung, karnival kerjaya ini juga menyediakan perkhidmatan pekerjaan bagi meningkatkan kebolehpasaran,” ujarnya.

KOSMO  
MS 4 5/6/23